



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/01/16 (HQ)

KERJA-KERJA PERENTANGAN TALIAN ELEKTRIK DI KM36.5-KM39.5 LEBUHRAYA PERSISIRAN PANTAI BARAT (WCE)

Tenaga Nasional Berhad (TNB) ingin memaklumkan bahawa kerja-kerja merentangkan kabel penghantaran talian atas 132kV (overhead transmission line) akan dijalankan di Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (West Coast Expressway, WCE) mulai Selasa 12 Januari 2021 hingga Ahad 17 Januari 2021 di daerah Klang, Selangor.

Kerja-kerja yang dijalankan dari 10 pagi hingga 4 petang ini telahpun mendapat kelulusan Lembaga Lebuhraya Malaysia dan pengurusan WCE.

Kerja merentang kabel ini akan dilakukan di sekitar KM36.5 hingga KM39.5 lebuhraya tersebut bagi menghubungkan Pencawang Masuk Utama (PMU) Bukit Kapar dan Meru dengan PMU Vallambrosa untuk memperkukuhkan sistem Grid Nasional di Lembah Klang.

Pihak TNB akan memastikan kawalan trafik dan papan tanda amaran keselamatan akan diletakkan di kawasan yang terlibat bagi memastikan pergerakan kenderaan terkawal dan berjalan lancar.

TNB memohon maaf atas sebarang kesulitan yang timbul. Kerjasama dan keperihatinan semua pihak termasuk pengguna lebuhraya ini amatlah dihargai.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 11 Januari 2021, jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan melakukan kerja-kerja merentang kabel overhead transmission line di KM36.5 hingga KM39.5 Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) bermula 12 Januari 2021 hingga 17 Januari 2021, dari 10 pagi hingga 4 petang, di Klang, Selangor.